

NSG Group **Tata Kelakuan Pembekal**

Pengenalan

Matlamat NSG Group adalah untuk mencapai tahap reputasi bertaraf dunia dalam menjalankan perniagaan secara professional mengikut undang-undang dan etika seperti yang dinyatakan di dalam Nilai dan Prinsip NSG Group.

Piawaian yang kami harapkan daripada pekerja kami didokumenkan dalam kod Tata Kelakuan NSG Group. Tingkah laku, proses dan prosedur yang kami harapkan daripada pembekal kami didokumenkan dalam kod Tata Kelakuan Pembekal ini.

Tata Kelakuan ini juga dapat memberi pendekatan yang adil dan berakal budi dalam menjalankan perniagaan dengan menggabungkan semua keperluan perundangan yang berkaitan.

Semua pembekal dikehendaki mematuhi Tata Kelakuan ini untuk tujuan membekal atau menyediakan perkhidmatan kepada NSG Group disamping mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Semua pembekal juga diharapkan memberi respons kepada permintaan untuk maklumat yang munasabah daripada NSG Group seperti yang diperlukan sebagai pematuhan terhadap kod Tata Kelakuan ini.

Tadbir Urus yang Baik

Perilaku beretika merupakan sebahagian penting daripada semua perkara yang kita lakukan. Penggunaan piawaian yang ketat bagi mengelakkan sogokan dan risiko rasuah serta mematuhi piawaian etika yang tinggi adalah penting demi kejayaan kami yang berterusan. Sebagai sebuah perniagaan antarabangsa, dasar kami adalah mematuhi prosedur dan garis panduan dalaman syarikat di samping menghormati undang-undang tempatan walau di mana sahaja kami beroperasi di seluruh dunia.

Dalam transaksi seharian para pembekal kami haruslah bersikap adil dan saksama, tanpa penipuan atau ketidakjujuran dalam menjalankan urusan dengan para pelanggan, pembekal dan orang lain yang bekerja dengan mereka.

Kami mengharapkan semua pembekal kami untuk:-

- Mengambil tanggungjawab kendiri agar berkelakuan secara professional, beretika, adil dan berintegriti.
- Melarang sebarang tindakan pemalsuan atau memutarbelitkan persaingan bebas atau akses pasaran atau melanggar peraturan yang sah berkaitan dengan undang-undang persaingan.
- Mencegah penawaran, menjanjikan atau memberikan dan meminta sogokan, bersetuju untuk menerima atau penerimaan sogokan dari mana-mana pihak yang berkaitan dengan mereka.

- Memaklumkan kepada NSG Group dengan segera jika menyedari bahawa mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan pembekal bertindak dalam kapasiti sebagai Pegawai Awam di mana berkemungkinan mempunyai hubungan dengan NSG Group.
- Memaklumkan kepada NSG Group dengan segera jika mereka menyedari bahawa terdapat pengarah, pegawai atau kakitangan pembekal mempunyai hubungan dengan mana-mana pekerja NSG Group yang boleh menyebabkan konflik kepentingan.
- Mematuhi kewajipan fiskal dalam semua wilayah di mana mereka beroperasi.
- Mengendali dan mengekalkan kod Tata Kelakuan Pekerja.

Tanggungjawab Sosial

Sebagai sebuah perniagaan antarabangsa yang utama, NSG Group mempunyai hubungan penting di seluruh dunia dengan kakitangan serta masyarakat di tempat kami beroperasi dan semua pihak yang berkepentingan dalam perniagaan kami. Oleh itu, kami mengambil tanggungjawab sosial korporat dengan serius dan memperakui hak asasi manusia seperti yang diisyiharkan di peringkat antarabangsa.

Semua pembekal perlu mematuhi Piawaian Buruh Pertubuhan Buruh Antarabangsa yang berkaitan sebagai keperluan minimum.

Ini bermakna para pembekal mestilah berusaha untuk mempraktikan piawaian pekerjaan yang menekankan penerapan hak asasi manusia. Seharusnya tidak wujud diskriminasi yang disengajakan dalam pegambilan pekerja baru, kenaikan pangkat, pemindahan kerja, pemecatan dan aktiviti berkaitan buruh berdasarkan bangsa, warna kulit, fahaman, kewarganegaraan, umur, taraf perkahwinan atau perkahwinan sivil, kehamilan dan bersalin, jantina, perubahan jantina, orientasi seks, agama atau kepercayaan, etnik atau asal-usul negara, ketidakupayaan, keahlian kesatuan dan pertalian politik atau status lain yang dilindungi oleh undang-undang.

Undang-undang setempat berkenaan diskriminasi umur hendaklah diambil kira. Penganiayaan, gangguan atau ugutan tidak akan diterima dalam apa jua keadaan, begitu juga tindakan memaksa atau membalaunya terhadap individu yang melaporkan gangguan sedemikian.

NSG komited untuk mencari komponen dan bahan daripada syarikat yang berkongsi nilai-nilai yang sama berkaitan hak asasi, etika dan tanggungjawab terhadap alam sekitar. Dengan cara ini, NSG Group berupaya untuk mendapatkan sumber mineral dengan cara yang menghormati hak asasi manusia.

NSG Group komited untuk memastikan tiada unsur perhambaan atau pemerdagangan orang dalam rantai bekalan atau dalam mana-mana bahagian perniagaan kami.

Kami mengharapkan semua pembekal kami untuk:-

- Menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat dengan meminimumkan risiko bahaya yang sedia wujud dalam persekitaran kerja seberapa yang mampu.
- Meminimumkan risiko pendedahan terhadap bahan, mesin atau operasi yang berbahaya.
- Mengendali dan mengekalkan dasar keselamatan yang berkesan.
- Menghormati undang-undang pekerjaan kebangsaan berkaitan dengan waktu bekerja. NSG Group tidak akan berurusan dengan para pembekal yang menggunakan atau menyokong buruh paksa. Golongan muda di bawah umur 15 tahun, atau lebih tidak boleh diambil bekerja jika ditentukan oleh undang-undang.
- Melakukan usaha sewajarnya berhubung dengan pencarian sumber konflik mineral dan menyokong pelanggan kami dalam mematuhi undang-undang laporan mineral konflik.
- Mematuhi undang-undang perhambaan dan pemerdagangan manusia.
- Mematuhi polisi Kesihatan dan Keselamatan NSG setempat, termasuk yang berkaitan dengan alkohol dan penyalahgunaan dadah, apabila bekerja atau melawat premis NSG.

Tanggungjawab Alam Sekitar

NSG Group komited sepenuhnya terhadap kemampanan alam sekitar. Polisi kami menggariskan sumbangan unik di mana produk kami berkemampuan menangani perubahan iklim dan cabaran yang dihadapi dalam meningkatkan penggunaan tenaga dan pengurusan sumber kami sendiri. Selaras dengan Dasar Kemampanan kami, NSG Group akan berkomunikasi dan bekerja secara konstruktif dengan para pembekal dan kerajaan, agensi pengawal atur, komuniti saintifik dan pihak-pihak berkepentingan lain yang berkaitan seperti yang sewajarnya, untuk membangunkan dan menggalakkan amalan perniagaan dan masyarakat yang menuju ke arah matlamat bersama untuk pembangunan mampan.

Para pembekal mestilah turut menyedari betapa pentingnya peranan mereka dalam mengurangkan impak alam sekitar.

Kami mengharapkan para pembekal kami menjalankan peranan mereka dalam mewujudkan masa depan yang makmur dan mampan dengan berusaha secara berterusan untuk mencapai amalan terbaik dalam melindungi alam sekitar.

Kami mengharapkan semua pembekal kami untuk:-

- Mematuhi semua undang-undang alam sekitar yang berkenaan.
- Mempunyai polisi alam sekitar selaras dengan risiko alam sekitar bagi perniagaan mereka.
- Menguruskan bahan berbahaya mengikut undang-undang, peraturan dan piawaian yang berkenaan termasuklah peraturan dan prosedur dalaman. Pembekal mestilah berusaha untuk mengambil langkah yang sepatutnya untuk mengelakkan pelepasan bahan berbahaya, kebakaran, letupan dan kemalangan utama lain yang mungkin menyebabkan kerosakan teruk kepada para pekerja mereka sendiri,

premis, alam sekitar dan masyarakat setempat.

- Mengikut prosedur yang memastikan bahawa kilang dan peralatan yang sedia ada dikendalikan dengan cara yang meminimumkan sebarang impak terhadap alam sekitar.
- Melatih para pekerja dan menyediakan sumber-sumber yang perlu agar mereka sedar akan tanggungjawab peribadi mereka terhadap alam sekitar dan melindunginya.

Para pembekal kami haruslah mendukung piawaian yang sama kepada pembekal, kontraktor dan sub-kontraktor mereka sendiri dan dapat menyediakan bukti ini jika diminta.

Pengurusan Risiko

Skop operasi kami memperkenalkan risiko berpotensi kepada aktiviti perniagaan kami, yang memerlukan pengurusan risiko yang berkesan. Kami menguruskan risiko dengan penuh bertanggungjawab untuk memenuhi komitmen kami terhadap kakitangan serta pemegang saham kami.

Kami berharap pembekal kami menunjukkan sikap bertanggungjawab terhadap risiko dan bagi mereka pula untuk mengharapkan perkara yang sama daripada pembekal mereka sendiri.

Kami mengharapkan semua pembekal kami untuk:-

- Mengendalikan perniagaan mereka secara bertanggungjawab dan cermat bagi meminimumkan risiko kegagalan kewangan.
- Memaklumkan NSG Group berkenaan sebarang isu atau pembangunan yang meningkatkan tahap risiko secara ketara dalam rantaian bekalan kepada NSG Group.
- Mengekalkan proses penilaian risiko pembekal mereka sendiri.

Pembangunan Pembekal

NSG Group akan menilai para pembekal mengikut jangkaannya; semasa dan selepas proses pemilihan menggunakan satu siri Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang akan digunakan sebagai alat untuk mendorong penambahanbaikan yang berterusan.

Kami bukan sahaja mengharapkan para pembekal beroperasi selaras dengan pematuhan jangkaan hari ini tetapi juga menyedari dan bersedia terhadap jangkaan permintaan hari esok, contohnya daripada NSG Group, para pelanggannya atau undang-undang yang dipacu kerajaan dengan matlamat untuk menambah baik kesejahteraan insan dan persekitaran tempat mereka tinggal secara berterusan.

NSG Group akan bekerja bersama-sama dengan para pembekalnya, untuk membangunkan inisiatif ini atau menambah baik penyelesaian sedia ada yang juga akan merangkumi bidang inovasi teknikal dan penambahbaikan operasi.

NSG Group Supplier Code of Conduct

Document Reference: NSGCOC

Issue Number: 4

Issued Date: 2nd June 2017



Document Reference	NSGCOC
Issue Number	4
Issued Date	2 nd June 2017

Perakuan/Penerimaan

Dengan menandatangani perakuan/penerimaan ini, sila ambil perhatian bahawa ia terpakai kepada semua entiti undang-undang atau perdagangan.

Bagi pihak syarikat yang dinyatakan di bawah, saya mengesahkan perjanjian kami mematuhi Kod Etika Pembekal NSG Group seperti yang dilampirkan

Maklumat Pembekal	
Nama Pembekal	
Alamat Pembekal	
Maklumat Peribadi	
Nama Penuh	
Nama Akhir/Keluarga	
Jawatan	
Alamat Email	
Tarikh Penerimaan/Persetujuan	
Tandatangan dan / atau cop rasmi syarikat	